

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]**

**TARIKH : 5 OGOS 2020 [ RABU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status pembeli-pembeli rumah terawal Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang telah mengalami kerugian kewangan akibat pelancaran Kempen Pemilikan Rumah (HOC) yang dilancarkan oleh Kerajaan pada tahun 2019. Selanjutnya, adakah Kementerian berhasrat mempertimbangkan memberi pampasan kepada pembeli-pembeli rumah terawal PR1MA ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, satu perjumpaan di antara YB Menteri KPKT bersama pembeli-pembeli awal rumah PR1MA telah diadakan pada 7 November 2019. Objektif perjumpaan tersebut adalah untuk memberi peluang kepada pembeli-pembeli awal rumah PR1MA memberikan maklum balas secara langsung kepada YB Menteri KPKT. Maklum balas dan cadangan daripada pembeli-pembeli awal pada perjumpaan tersebut telah dikumpulkan.

2. Walau bagaimanapun, buat masa ini terdapat beberapa pembeli awal yang membuat tuntutan mahkamah yang masih lagi dalam peringkat penelitian dan pertimbangan mahkamah. Justeru, sebarang keputusan berkenaan perkara ini tertakluk kepada keputusan mahkamah yang akan diketahui kelak.

Sekian, terima kasih.